



DR 8 TAHUN 2014
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

**PENGURUSAN PEMBINAAN
KAMPUS SULTAN AZLAN SHAH
- Kementerian Pendidikan**



LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah	1
2.	Pandangan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	15
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 19/2014 pada 10 Jun 2014	18
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 19/2014 pada 10 Jun 2014	
5.	Dokumen Pembentangan	

**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA(PAC)
TERHADAP PENGURUSAN PEMBINAAN
KAMPUS SULTAN AZLAN SHAH**

1. LATAR BELAKANG

1.1 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang terletak di Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan mempunyai 2 kampus iaitu Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS) dan Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS). Sehingga 31 Disember 2013, bilangan pelajar UPSI adalah seramai 24,601 orang yang ditempatkan di 9 buah Fakulti. Projek pembinaan KSAS telah dirancang sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) merangkumi kawasan seluas 800 ekar di Bandar Proton, Tanjung Malim. Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah meluluskan peruntukan sejumlah RM459.58 juta kepada UPSI bagi projek pembinaan KSAS. Peruntukan ini telah disalurkan untuk Pakej 1 meliputi kerja tanah dan infrastruktur berjumlah RM36.59 juta serta Pakej 2 meliputi kerja bangunan berjumlah RM422.99 juta.

1.2 Jabatan Kerja Raya Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi (JKR CPPT) telah dilantik sebagai Pengarah Projek oleh pihak Kerajaan untuk melaksanakan projek ini. Projek pembinaan secara *design and build* ini telah dilulus dan ditawarkan kepada Kumpulan SAKATA Sdn. Bhd. secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan. Pakej 1 telah dimulakan pada 1 Mac 2007 dan telah siap pada 28 April 2008 dengan kos berjumlah RM34.81 juta. Pakej 2 pula telah dimulakan pada 1 Ogos 2008 dan siap sepenuhnya pada 31 Januari 2012 dengan perbelanjaan berjumlah

RM403.80 juta. Projek ini mempunyai 3 kali lanjutan masa (EOT) sehingga 14 Ogos 2011. Projek disiapkan sepenuhnya pada 31 Januari 2012 dan kontraktor telah dikenakan denda *Liquidated Ascertained Damages* berjumlah RM9.10 juta atas kelewatan selama 169 hari. Pihak UPSI telah mula menduduki KSAS pada 20 Februari 2012. Kos pembinaan projek setakat 7 April 2014 adalah seperti berikut:

Perkara	RM (juta)
Peruntukan	422.99
Harga Asal Kontrak	419.25
Bayaran Mengikut Skop Asal	415.81
Perubahan Kerja (VO)-Pengurangan APK 1	(1.63)
Perubahan Harga Barangan (VOP)-PHK 2-Kerja Bangunan	8.72
Perubahan Harga Barangan (VOP)-PHK 3-Kerja Elektrikal & Mekanikal	6.50
Denda LAD	(9.10)
Pembayaran Belum Buat	3.44

1.3 Secara keseluruhannya pengurusan projek pembinaan kampus KSAS adalah kurang memuaskan kerana perancangan projek dan penetapan skop serta spesifikasi tidak dibuat dengan teliti. Laporan mengenai prestasi dan kelemahan pengurusan projek pembinaan kampus KSAS ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2013, Siri 1. Antara kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- a. *Cooling tower* saiz besar tidak praktikal digunakan.

- b. Kualiti kerja pembinaan tidak memuaskan iaitu ada kerosakan dinding luar bilik akibat dari kondensasi. Kondensasi ini menyebabkan dinding berkulat dan besi pada bucu dinding berkarat.
- c. Sistem mekanikal yang diserahkan tidak lengkap dan tanpa *operating manual* iaitu *Building Automation System (BAS)*.
- d. Sistem SCADA tidak berfungsi sepenuhnya kerana tidak dapat mengawal sistem elektrik di beberapa lokasi seperti lampu koridor di Bangunan Panggung Percubaan dan Pusat Pelajar dari Bilik Kawalan Pusat ICT.
- e. Sijil Layak Menduduki belum dikeluarkan setakat 31 Disember 2013.

1.4 Mengikut kontrak *design and build*, kontraktor dan perunding bertanggungjawab memastikan reka bentuk semua spesifikasi bangunan adalah praktikal dilaksanakan dan dapat digunakan.

1.5 Penyata kehendak (*need statement*) dalam dokumen kontrak menyatakan reka bentuk kemasan luar hendaklah kos efektif, memberi nilai tambah, tahan cuaca dan *anti-kulat* serta berkualiti baik.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN OLEH JAWATANKUASA KIRA-KIRAWANG NEGARA (PAC)

PAC telah membincangkan isu mengenai kelemahan Pengurusan Projek Pembinaan KSAS yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2013 Siri 1. Selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

- a. Memastikan projek Kerajaan iaitu Pembinaan KSAS mencapai objektif yang telah ditetapkan.
- b. Tiada pembaziran berlaku dalam projek pembinaan yang dilaksanakan.
- c. Memastikan kerja yang dilaksanakan mematuhi undang-undang, peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib bagi menjamin keselamatan warga KSAS.
- d. Pelan perancangan yang dirangka telah dilaksanakan dengan baik dan memberikan hasil memuaskan.
- e. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh semua pihak yang terlibat dalam projek pembinaan ini dari peringkat perancangan awal sehingga ke peringkat laporan audit dikeluarkan.
- f. Mengenal pasti langkah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan dalam proses perolehan kerajaan di masa akan datang terutama projek pembinaan secara *design and build*.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a. Menjemput Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- b. Memanggil pihak terlibat dalam Projek Pembinaan KSAS iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kerja Raya Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi (JKR CPPT) dan kontraktor iaitu Kumpulan Sakata Sdn. Bhd. dan UPSI.

4. HASIL PERBINCANGAN

Sesi perbincangan dimulakan dengan pandangan ringkas mengenai pengurusan Projek Pembinaan KSAS oleh Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, Puan Ong Swee Leng. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu dibangkitkan dipanggil menyertai mesyuarat, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia diwakili oleh Ketua Setiausaha II, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang yang bertanggungjawab terhadap hal-hal institut pengajian tinggi, JKR CPPT diwakili oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan iaitu Encik Che Rahim bin Che Mustapha. YBhg. Dato' Prof. Dr. Zakaria Kasa selaku Naib Canselor UPSI dan Dato' Aminuddin bin Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sakata Sdn. Bhd. turut dipanggil memberi keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

4.1 Pengenalan Mengenai Projek Pembinaan KSAS oleh Kementerian Pendidikan Malaysia

4.1.1. Jabatan Kerja Raya telah menyelia, menyiapkan projek, mereka bentuk, membina, menyiapkan dan mentauliahkan kampus induk Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kampus ini dibina untuk menampung seramai 10,000 orang pelajar. Kemudahan yang dibangunkan meliputi pemasangan *cooling tower* untuk mengawal pendingin hawa di kesemua 10 blok bangunan kampus, penggunaan *Building Automation System (BAS)* dan *Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA)* untuk mengawal sistem elektrik di seluruh kawasan kampus.

4.1.2. Pada Oktober 2013, Jabatan Audit telah melaksanakan pengauditan ke atas pengurusan projek pembinaan kampus KSAS. Antara penemuan yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

- i. Lanjutan masa (EOT) diluluskan kepada kontraktor sebanyak tiga kali.
- ii. *Cooling tower* saiz besar tidak praktikal digunakan.
- iii. Kecacatan dalam tempoh *defect liability period*.
- iv. Sistem SCADA tidak berfungsi sepenuhnya kerana tidak dapat mengawal sistem elektrik di beberapa lokasi seperti lampu koridor di Bangunan Panggung Percubaan dan Pusat Pelajar dari Bilik Kawalan Pusat ICT.
- v. Sijil Layak Menduduki belum dikeluarkan setakat 31 Disember 2013.

4.2 Keterangan Oleh JKR CPPT dan KPM

4.2.1 Lanjutan Masa Sebanyak Tiga Kali

- i. PAC meminta penjelasan berkenaan kelulusan bagi EOT kali pertama yang disebabkan oleh kenaikan harga barang. Manakala, dua EOT seterusnya adalah berpunca daripada perubahan reka bentuk.
- ii. Bagi EOT kali pertama, wakil JKR CPPT memberi maklum balas mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 3. Tahun 2008 di mana 90 hari diberikan di atas kenaikan harga kepada pihak kontraktor.
- iii. Beliau menerangkan EOT kali kedua dan ketiga adalah membabitkan perubahan reka bentuk dan bagi ini masa diperlukan bagi mencapai persetujuan antara klien (UPSI) dengan pihak kontraktor. Pihak kontraktor telah memohon lanjutan masa berdasarkan justifikasi di atas. Jika kelewatan disebabkan pihak Kerajaan maka EOT perlu diberikan.
- iv. Perubahan adalah berkaitan reka bentuk dan tidak melibatkan perubahan harga.
- v. Menurut beliau lagi, lanjutan masa telah diluluskan kepada kontraktor kerana kesalahan terletak di pihak kementerian yang memohon perubahan dalam reka bentuk. Perubahan tersebut memerlukan persetujuan pihak klien sebelum dilaksanakan.

Ulasan Audit: Pada pendapat Audit, EOT yang telah diluluskan kepada kontraktor adalah mengikut syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam klausa kontrak.

4.2.2 Cooling Tower Saiz Besar Tidak Praktikal Digunakan

- i. Kedudukan pemasangan *cooling tower* saiz besar tidak sama ketinggian dengan *cooling tower* saiz kecil menyebabkan air mengalir daripada *cooling tower* saiz besar ke *cooling tower* saiz kecil dan melimpah ke lantai. Oleh itu, *cooling tower* saiz besar tidak digunakan untuk mengelakkan pembaziran air yang dianggarkan RM300 sehari.
- ii. PAC mempersoalkan isu mengenai *cooling tower* yang akan menyebabkan pembaziran air jika digunakan.
- iii. JKR CPPT menerangkan bahawa kontraktor telah memasang enam *motorized valve* pada *cooling tower* saiz kecil pada peringkat awal. Bagaimanapun, masalah limpahan air masih berlaku. Kontraktor kemudiannya telah menambah lapan *motorized valve* bagi menyelesaikan masalah tersebut.
- iv. Kos bagi pemasangan injap bermotor dan bayaran bil air semasa limpahan berlaku telah ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor tanpa melibatkan peruntukan yang diberikan.

Ulasan Audit: Pada pendapat Audit, kontraktor telah mengambil tindakan sewajarnya bagi menyelesaikan masalah dan membaiki kecacatan dalam projek ini.

4.2.3 Kecacatan Dalam Tempoh *Defect Liability Period*

- i. PAC mempersoalkan keputusan JKR mengeluarkan CPC pada 1 Januari 2012 meskipun terdapat spesifikasi JKR yang tidak dipatuhi.
- ii. Wakil JKR CPPT menerangkan bahawa *Certificate of Partial Occupancy* (CPO) telah dikeluarkan oleh JKR dengan persetujuan kontraktor sebelum CPC diberi. Ini bertujuan membenarkan pihak klien menduduki beberapa zon di KSAS.
- iii. CPC kemudiannya diberi setelah pihak perunding mempersetujui melalui laporan yang dibuat bahawa semua keperluan seperti di dalam kontrak telah dipenuhi.
- iv. Wakil JKR CPPT berpendapat, penemuan audit berhubung kecacatan dalam pembinaan adalah kecacatan semasa *defect liability period*. *Defect liability period* ini berakhir pada 31 Januari 2014 iaitu selama 24 bulan bermula tarikh CPC dikeluarkan oleh JKR.
- v. JKR turut mengeluarkan satu jadual kecacatan akhir yang perlu disiapkan oleh kontraktor dalam tempoh 3 bulan 28 hari. Tempoh ini bermula daripada tarikh akhir *defect liability period* dan berakhir pada 31 Mei 2014.
- vi. Sekiranya kontraktor berjaya memperbaiki kecacatan dalam tempoh tersebut, *Certificate on Making Good Defect* (CMGD) akan dikeluarkan bersama-sama wang tahanan berjumlah RM10.5 juta.
- vii. Setakat 10 Jun 2014, JKR mengesahkan bahawa CMGD dan wang tahanan tersebut masih belum dikeluarkan kepada kontraktor.

Ulasan Kontraktor: Satu pasukan dari pihak kontraktor telah ditempatkan di KSAS sepanjang tempoh *defect liability period* selama 2 tahun bagi memperbaiki kecacatan yang dibangkitkan sama ada oleh pihak UPSI atau pihak Audit.

Ulasan UPSI: Setelah menerima bangunan KSAS ini pada 31 Januari 2012, pihak UPSI telah mengenal pasti lebih daripada 1,000 kecacatan dalam pembinaan dan telah dimaklumkan kepada kontraktor. Memandangkan kecacatan tersebut berlaku dalam tempoh *defect liability period*, pihak kontraktor telah menyiapkan sebahagian besar daripada kecacatan itu sebelum pengauditan dijalankan.

4.2.4 Sistem *Supervisory Control And Data Acquisition* (SCADA) Tidak Berfungsi Sepenuhnya

- i. Sistem SCADA tidak dapat berfungsi sepenuhnya kerana tidak dapat mengawal sistem elektrik di beberapa lokasi seperti lampu koridor di Bangunan Panggung Percubaan dan Pusat Pelajar dari Bilik Kawalan Pusat ICT.

Ulasan Kementerian: Kementerian Pendidikan berpuas hati bahawa sistem telah dikendalikan oleh jurutera elektrik yang faham dan mahir tentang sistem tersebut. Selain memperbaiki kelemahan dan kerosakan, tindakan punitif telah diambil serta pegawai yang mempunyai

kemahiran telah ditempatkan secara khusus bagi mengawal sistem BAS dan SCADA.

Ulasan Audit: Pada pendapat Audit, UPSI memantau penyelenggaraan sistem dan memastikan sistem yang dibekalkan berfungsi dengan baik dan diselenggarakan dengan betul.

4.2.5 Sijil Layak Menduduki belum dikeluarkan setakat 31 Disember 2013.

- i. Sijil Layak Menduduki telah diterima bagi semua zon kecuali zon tiga iaitu Bangunan Pusat Pelajar setakat 31 Disember 2013.

Ulasan KPM: Ketua Setiausaha II selaku wakil KPM menerangkan bahawa KSAS telah mula diduduki pada Februari 2012 walaupun Sijil Penyiapan & Pematuhan (*Certificate of Completion & Compliance - CCC*) belum diperolehi dan kecacatan belum siap dibaiki. Lawatan terkini beliau ke KSAS pada 3 Januari 2014 dan 2 Jun 2014 mengesahkan laporan dari JKR bahawa kelemahan-kelemahan tersebut telah dibaiki. Pihak UPSI telah berpindah ke kampus itu pada 1 Februari 2012 selepas mendapat *Certificate of Partial Occupancy (CPO)* untuk menjimatkan perbelanjaan menyewa sebanyak hampir RM500 ribu sebulan. Pihak UPSI juga perlu menduduki KSAS dengan segera iaitu pada Februari 2012 untuk membuat persediaan kemasukan pelajar bagi sesi akademik yang akan bermula pada September tahun tersebut. Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menggariskan keperluan untuk

Certificate of Fitness (CF) telah diganti kepada CCC. Namun, pensijilan penuh CCC gagal diperoleh kerana melibatkan penambahbaikan tangga luar di Bangunan Pusat Pelajar. Kelewatan adalah berkait dengan proses pertukaran dan pelantikan arkitek baru serta kelulusan dari BOMBA bagi meluluskan rekaan tangga luar tersebut. Beliau menegaskan bahawa proses mendapatkan CCC ini telah melalui prosedur yang tetap dan tepat.

Ulasan Audit: Daripada maklum balas yang diterima pihak Audit setakat 2 September 2014, CCC telah diterima bagi semua zon kecuali zon tiga iaitu Bangunan Pusat Pelajar.

4.3 Keterangan Oleh Kontraktor (Sakata Sdn Bhd)

- i. Wakil pihak kontraktor menegaskan bahawa kontrak ini telah dijalankan dengan penuh tanggungjawab.
- ii. Pihak kontraktor juga telah menanggung sendiri kos menambah lif DiRaja di Dewan Besar KSAS sebagai tanda penghargaan kepada kerajaan atas peluang untuk melaksanakan projek ini.

Ulasan Audit: Pada pendapat Audit, kontraktor telah mengambil tindakan sewajarnya bagi menyelesaikan masalah dan membaiki kecacatan dalam projek ini.

5. Rumusan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)

Secara keseluruhannya, PAC mendapati penjelasan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan berkenaan keselamatan dan pengurusan projek pembinaan KSAS adalah memuaskan. PAC turut mengalu-alukan sikap yang positif dan progresif oleh semua pihak dalam menyelesaikan projek ini. Di samping itu, PAC turut menyentuh perkara-perkara berikut:

- 5.1 Kelemahan di pihak universiti dalam menempatkan pegawai yang mempunyai kemahiran bersesuaian dalam mengendalikan sesuatu sistem atau peralatan.
- 5.2 Perubahan tidak sepatutnya dibuat selepas kontrak *design and build* telah ditandatangani sama ada oleh pihak klien ataupun pihak kontraktor termasuklah kenaikan harga barang.
- 5.3 Kelewatan menyiapkan projek walaupun tidak melibatkan perubahan harga kontrak (VO) tetapi akan melibatkan kos lain. Misalnya jumlah belanja bagi menyewa premis lain sepanjang tempoh kelewatan tersebut adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh UPSI.
- 5.4 Kos yang terlibat bagi melaksanakan projek pembinaan KSAS ini dijangka masih lagi di bawah peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Kelewatan mendapatkan CCC bagi bangunan tersebut bukanlah disebabkan oleh isu besar yang melibatkan struktur bangunan.

6. Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC):

PAC mencadangkan semua pihak yang terlibat agar mengambil tindakan penambahbaikan dalam menguruskan projek pembinaan secara *design and build* seperti berikut:

- 6.1 Kontrak pembinaan secara *design and build* perlulah diteliti sebelum ditandatangani bagi mengelakkan perlunya perubahan dibuat yang boleh mengakibatkan kenaikan harga barang atau kelewatan dalam menyiapkan projek tersebut.
- 6.2 Semua pihak dalam kontrak *design and build* hendaklah memastikan *need statement* yang dipersetujui adalah praktikal dan tidak mengakibatkan pembaziran.
- 6.3 Selain aspek pembinaan, keadaan peralatan yang dipasang juga hendaklah diperiksa dengan teliti oleh UPSI bagi mengelakkan pengesahan dibuat ke atas peralatan yang tidak menepati spesifikasi seperti di dalam kontrak dan kerja pembaikan adalah berkualiti.
- 6.4 Bagi peralatan yang memerlukan kepakaran teknikal untuk digunakan secara berkesan agensi pengguna seperti JKR dan UPSI hendaklah memastikan pegawai diberikan kepakaran untuk menggunakan peralatan selepas proses penyerahan projek dilakukan.
- 6.5 Pihak Pengarah Projek yang dilantik, kontraktor dan UPSI hendaklah sentiasa berkomunikasi secara berkesan supaya isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan dengan efektif.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara

**RUMUSAN DAN
SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARA	RUMUSAN & SYOR
5.0	Secara keseluruhannya, PAC mendapati penjelasan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan berkenaan keselamatan dan pengurusan projek pembinaan KSAS adalah memuaskan. PAC turut mengalu-alukan sikap yang positif dan progresif oleh semua pihak dalam menyelesaikan projek ini. Di samping itu, PAC turut menyentuh perkara-perkara berikut:
5.1	Kelemahan di pihak universiti dalam menempatkan pegawai yang mempunyai kemahiran bersesuaian dalam mengendalikan sesuatu sistem atau peralatan.
5.2	Perubahan tidak sepatutnya dibuat selepas kontrak <i>design and build</i> telah ditandatangani sama ada oleh pihak klien ataupun pihak kontraktor termasuklah kenaikan harga barang.
5.3	Kelewatan menyiapkan projek walaupun tidak melibatkan perubahan harga kontrak (VO) tetapi akan melibatkan kos lain. Misalnya jumlah belanja bagi menyewa premis lain sepanjang tempoh kelewatan tersebut adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh UPSI.

PARA	RUMUSAN & SYOR
5.4	Kos yang terlibat bagi melaksanakan projek pembinaan KSAS ini dijangka masih lagi di bawah peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Kelewatan mendapatkan CCC bagi bangunan tersebut bukanlah disebabkan oleh isu besar yang melibatkan struktur bangunan.
6.0	PAC mencadangkan semua pihak yang terlibat agar mengambil tindakan penambahbaikan dalam menguruskan projek pembinaan secara <i>design and build</i> seperti berikut:
6.1	Kontrak pembinaan secara <i>design and build</i> perlulah diteliti sebelum ditandatangani bagi mengelakkan perlunya perubahan dibuat yang boleh mengakibatkan kenaikan harga barang atau kelewatan dalam menyiapkan projek tersebut.
6.2	Semua pihak dalam kontrak <i>design and build</i> hendaklah memastikan <i>need statement</i> yang dipersetujui adalah praktikal dan tidak mengakibatkan pembaziran.
6.3	Selain aspek pembinaan, keadaan peralatan yang dipasang juga hendaklah diperiksa dengan teliti oleh UPSI bagi mengelakkan pengesahan dibuat ke atas peralatan yang tidak menepati

PARA	RUMUSAN & SYOR
	spesifikasi seperti di dalam kontrak dan kerja pembaikan adalah berkualiti.
6.4	Bagi peralatan yang memerlukan kepakaran teknikal untuk digunakan secara berkesan agensi pengguna seperti JKR dan UPSI hendaklah memastikan pegawai diberikan kepakaran untuk menggunakan peralatan selepas proses penyerahan projek dilakukan.
6.5	Pihak Pengarah Projek yang dilantik, kontraktor dan UPSI hendaklah sentiasa berkomunikasi secara berkesan supaya isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan dengan efektif.

AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- Mesyuarat PAC Bil 19/2014 Pada Selasa 10 Jun 2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 19/2014 PADA SELASA 10 JUN 2014
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p align="center">10 Jun 2014 (Selasa) 10.30 pagi</p>	<p align="center">Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah</p>	<p>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Universiti Pendidikan Sultan Idris • Jabatan Kerja Raya <i>[(merangkap Pegawai Penguasa (SO))]</i> • Kumpulan Sakata Sdn Bhd <i>[Kontraktor Utama Projek]</i>

LAPORAN PROSIDING

- Mesyuarat PAC Bil 19/2014 Pada Selasa 10 Jun 2014

Bil. 19

**Selasa
10 Jun 2014**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Mengenai:

**Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah
Kementerian Pendidikan**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 10 JUN 2014**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]

URUS SETIA

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johari Affandi [Pegawai Khas kepada Pengerusi Jawatankuasa]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Puan Ong Swee Leng [Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]
Encik Lim Chin Teong [Timbalan Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]
Puan Wan binti Hasan [Ketua Penolong Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]
Puan Noor Rasyidah binti Engah [Juruaudit Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]
Puan Nurul Huda binti Sariman [Penolong Juruaudit Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]
Encik Ahmad Firdaus bin Mohd Arif [Penolong Juruaudit Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Maslina Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Muhammad Syukran [Penolong Pengarah]

Unit Perancang Ekonomi

Dr. Mohd Gazali Abas [Pengarah Pembangunan Modal Insan]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Pendidikan Malaysia**

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang [Ketua Setiausaha II]

YBhg. Dato' Haji Nasir bin Mat Dam [Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan]

YBhg. Dato' Mahamed bin Hussain [Setiausaha Bahagian Pembangunan]

YBhg. Dato' Prof. Dr. Asma binti Ismail [Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi]

Encik Hamizun bin Hamzah [Ketua Penolong Setiausaha Kanan]

Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato' Prof. Dr. Zakaria Kasa [Naib Canselor]

Puan Khadijah binti Hamdan [Bendahari]

Puan Noorulazian binti Mohd Razalli [Ketua Audit Dalam]

Encik Ajhar bin Eini [Jurutera]

Encik Saiduri bin Dalan [Arkitek]

Encik Azahari bin Mad Bashah [Juruukur Bahan]

Jabatan Kerja Raya

Encik Che Rahim bin Che Mustapha [Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Pendidikan dan Pengajian Tinggi]

Encik Ir. Hamzah bin Md. Yusoff [Ketua Penolong Pengarah]

Puan Norazreen binti Mohamad Nor [Penolong Pengarah]

Kumpulan Sakata Sdn. Bhd.

YBhg. Dato' Aminuddin bin Hassan [Ketua Pegawai Eksekutif]

Puan Nor Hasima binti Hassan [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif]

Encik Ir. Nor Hisham bin Hassan [Pengarah Urusan Arkitek FAA Sdn Bhd]

Encik Mohd. Kutty [Arkitek FAA Sdn. Bhd.]

Encik Ir. Kamaruddin bin Nordin [Jurutera Elektrikal BICE]

Encik Mohamad Sabrizam bin Zainal [Jurutera Elektrikal BICE]

Encik Ir. Darus Aman bin Awang Deris [Pengarah DNP]

Encik Ir. Tok Chin Thiam [Jurutera DNP]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL PERTAMA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Selasa, 10 Jun 2014****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.38 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: Selamat pagi saya ucapkan kepada Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, wakil dari Jabatan Audit Negara, wakil-wakil daripada kementerian. Mesyuarat kita pada pagi ini khusus untuk membincangkan mengenai projek Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah yang di bawah UPSI, di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang di *highlight* dalam Laporan Ketua Audit Negara. Ia tahun lepas kan? Siri Kedua, kan?... *[Disampuk]* Siri Satu. Siri Satu tahun 2013.

Jadi, isu ini memang banyak perkara telah di *highlight* dalam Laporan Ketua Audit Negara dan memerlukan PAC juga untuk memanggil wakil daripada kementerian, wakil daripada JKR sebagai pengurus projek, dan kita juga tambah satu lagi iaitu kita panggil kontraktor sendiri yang terlibat untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai apa masalah sebenar yang dihadapi dalam pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah ini.

■1140

Jadi tanpa melengahkan masa saya rasa eloklah kalau kita hendak memulakan sesi kita. Saya cadangkan begini, mula-mula Jabatan Audit Negara bagi pandangan, selepas itu kita panggil mereka masuk, selepas itu kita minta pandangan daripada kementerian dan selepas itu kita beri peluang kepada JKR dan beri peluang kepada kontraktor. Selepas itu barulah kita tanya soalan-soalan yang... *[Disampuk]* *[Ketawa]* Tidak... *[Disampuk]* Yalah. Akan tetapi apa mereka kata kita simpanlah soalan yang cepu emas itu untuk kemudian sikit supaya kita punya perjalanan mesyuarat PAC ini tidak terencat atau lari daripada topiklah. Jadi tanpa melengahkan masa, saya minta Puan Ong dari Jabatan Ketua Audit Negara untuk memberikan penjelasan.

11.42 pg.

Puan Ong Swee Leng [Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Timbalan Pengerusi PAC dan Ahli-ahli PAC serta ahli-ahli daripada wakil kementerian dan lain-lain.

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi tadi berkaitan dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Jabatan Audit telah pun menjalankan pengauditan terhadap pengurusan pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah dipanggil KSAS.

Projek ini melibatkan peruntukan sebanyak RM459 juta dan dilaksanakan dalam dua pakej iaitu pakej satu yang melibatkan tanah dan infrastruktur dan pakej dua melibatkan kerja-kerja pembangunan. Pakej satu, kita tidak ada apa-apa isu berkaitan dengan pakej satu, manakala bagi pakej dua, di sini adalah laporan di mana JKR telah pun dilantik sebagai pengarah projek atau SO dan projek pembinaan ini adalah secara *design and build* dan secara rundingan terus. Kontraktor yang terlibat adalah Kumpulan Sakata Sdn. Bhd.

Isu audit yang kita lihat atau hendak *highlight* di sini adalah berkaitan dengan kualiti pembinaan di mana kita dapati *cooling tower* tidak praktikal untuk digunakan. *Plant House 1* mempunyai dua *cooling towers* iaitu saiz besar dan dua *cooling towers* yang bersaiz kecil.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Bilakah projek ini *start*?

Puan Ong Swee Leng: Projek ini sepatutnya bermula...

Seorang Ahli: 2 Februari.

Puan Ong Swee Leng: *1st August 2008 and should finish by October 2010 but there was a delay* dan projek ini hanya siap pada 31 Januari 2012 dengan tiga EOT sebanyak 291 hari dan LAD dikenakan sebanyak RM9.10 juta, *delay of 169 days okay*.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Ong Swee Leng: 169.

Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]: *LAD is counted from...*

Puan Ong Swee Leng: *From the last EOT.*

Dato' Kamarul Baharin Abbas: Bukan dapat *certificate practical completion*?

Puan Ong Swee Leng: Ya, *practical completion*.

Dato' Kamarul Baharin Abbas: Akan tetapi dalam ini dia belum dapat CPC kan?

Puan Ong Swee Leng: Dia sudah dapat CPC, dia belum dapat CCC. CF belum. *So, the cooling tower* yang kita nampak tidak boleh digunakan sebab kalau digunakan, ia akan menyebabkan pembaziran air yang dianggarkan sebanyak RM300 sehari. Semasa pengauditan dijalankan, kontraktor telah memasang *motorized valve* untuk membetulkan keadaan tetapi masih gagal.

Isu kedua yang di *highlight* adalah berkaitan dengan pemasangan *public address system* yang tidak praktikal di mana kita mendapati bilangan mikrofon yang ada tidak selaras dengan keluasan bilik dan meja mesyuarat yang bersaiz kecil seperti di dalam slaid yang kita sudah edarkan.

Isu ketiga adalah berkaitan dengan kualiti kerja pembinaan yang tidak memuaskan iaitu kita mendapati ada kerosakan dinding disebabkan kondensasi dan menyebabkan pintu dan dinding di bilik-bilik berkarat, besi berkarat dan dinding tersebut berkulat.

Isu seterusnya adalah berkaitan dengan sistem mekanikal yang diserahkan tidak lengkap dan tidak ada *operating manual* iaitu *Building Automation System (BAS)* yang nilainya adalah RM2.93 juta di mana BAS ini adalah untuk memantau dan mengawal sistem mekanikal. Kita mendapati juga bahawa *fire alarm* sentiasa berbunyi sejak dipasang dan sehingga kini, kami dimaklumkan masalah tersebut telah selesai.

Seterusnya adalah berkaitan dengan *Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA)* yang bernilai RM0.68 juta, yang ini adalah bertujuan untuk memantau dan mengawal *system electrical* untuk menentukan bahawa semua sistem berfungsi dengan baik. Semasa pengauditan dijalankan, kita mendapati bahawa sistem SCADA ini tidak dapat mengawal sistem elektrik di beberapa lokasi.

Akhir sekali, isu yang berkaitan dengan sijil kelayakan untuk menduduki yang belum diperoleh. Semasa pengauditan dijalankan, CPC iaitu *Certificate of Practical Completion* telah pun diterima pada 31 Januari 2012. Setakat ini, kita difahamkan bahawa CCC telah pun diterima bagi beberapa zon tetapi zon tiga iaitu pusat pelajar masih belum dikeluarkan. Itu antara isu-isu yang dibangkitkan dalam kajian UPSI. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Isu besar mengenai *structure, finishing* bangunan yang lain tidak ada ya?

Puan Ong Swee Leng: Ada tetapi *it has been rectified*.

Tuan Pengerusi: *Rectified*lah. *How about issue* mengenai *defect liability period*?

Puan Ong Swee Leng: *Defect liability period*..

Tuan Pengerusi: *Since* dia lambatkan?

Puan Ong Swee Leng: Yes.

Tuan Pengerusi: Lambat itu apakah kesannya kepada *defect liability period*, dia punya CCC itu? Adakah lambat kerana pihak universiti lambatkan ataupun kontraktor lambat?

Puan Ong Swee Leng: *The CCC is actually because of certain element not fulfilled by I think is Bomba portion.*

Tuan Pengerusi: Bomba. *Only Bombalah*, lain semua...

Puan Ong Swee Leng: *Other than that* – ada lagi ya?

Encik Lim Chin Teong [Timbalan Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]:
Tangga Bomba, Tuan Pengerusi.

Puan Ong Swee Leng: Pusat pelajar punya *escape*..

Tuan Pengerusi: *Only one small portion of the buildinglah*, yang lain *is okaylah*? *Okay when you auditing it* ataupun okey *after*?

Puan Ong Swee Leng: *After*.

Tuan Pengerusi: *When you auditing it*?

Puan Ong Swee Leng: *It was not done yet. So they only received the CCC later, after our audit.*

Tuan Pengerusi: *No, no. The portion at Bomba objected to was just small portionlah ataupun the whole building?*

Encik Lim Chin Teong: *Dia tidak ada tangga, Tuan Pengerusi.*

Tuan Pengerusi: *Bukan, bukan. Soalan saya begini, Bomba object itu keseluruhan bangunan termasuk hall, dia punya...*

Encik Lim Chin Teong: *Cuma dia punya tangga yang tak ready.*

Tuan Pengerusi: *Tangga tak ready dalam asrama budak-budak, asrama students? Itu sahajakan?*

Puan Ong Swee Leng: *No, when we did the audit, there was no CCC at all. They only received the CCC somewhere in April this year.*

Tuan Pengerusi: *I know but they were supposed to receive the CCC when you were auditing.*

Puan Ong Swee Leng: *Yes, when they have finished their work, during the liability period of January 2014.*

Tuan Pengerusi: *No, the reason why I am asking this question is because if I look at the issue yang you raised ini, it is not about the physicality of building, it is about the macam aircond system, macam mikrofon ini, untuk saya, kecil-kecil dan tidak berkenaan dengan bangunan itu sendiri. So, sebab itu saya tanya CCC itu, is it minor issue or major issue yang menahan keluar CCC itu?*

■1150

Puan Ong Swee Leng: *Actually Tuan Pengerusi, we have not gone into the problem of CCC because at that time when we do the audit, when we finish the audit, the CPC was received, and they were applying for the CCC at that time, but it was occupied for the building.*

Tuan Pengerusi: *That means that also...*

Puan Ong Swee Leng: *That could be less problem...*

Tuan Pengerusi: *That also indication that actually substantial part of the building is really okay lah sebab sudah dapat CPC.*

Puan Ong Swee Leng: *Could be lah but we do not know what was the problem of the delay in the CCC by this agency because you need the seven agencies to approve before you can get the CCC. So we do not actually know what is the problem of the delay in CCC?*

Tuan Pengerusi: *Okeylah.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Tuan Pengerusi, cuma saya- if we look at the 'B' ini, building automation system tidak berfungsi di monitor kawalan bagi module fire alarm di semua blok. That's juga dangerous. Not just about the tangga. You know, tangga okeylah, laluan kecemasan. Akan tetapi kalau that building automation system itu tidak function, that means if anything happen, there is going to be no any alarm.*

Tuan Pengerusi: Baiklah. *What I am trying to focusing on is this. Whether* kelewatan ini adalah kerana pemilik projek atau pengurus projek punya masalahlah, dan bukan sahaja pada kontraktor. Pasal kontraktor kalau I tengok ini *is small matterlah. I was expecting problem with the building itself.*

Puan Ong Swee Leng: *...Structure I think there is no problem...*

Tuan Pengerusi: *No problemlah ya.*

Puan Ong Swee Leng: *But we do not know the delay of the CCC, and student has go in already at that point of time.*

Tuan Pengerusi: *That's also another issue. Why students are allowed to going in before the CCC was issued.*

Puan Ong Swee Leng: *There is only one portion that Pusat Pelajar which they still haven't got the CCC as today.*

Tuan Pengerusi: Ya lah, *that's my point. Is it the whole building that problematic or just part of it because budak-budak itu dah masuk. How did they allow budak-budak ini masuk ini.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *When you did the audit, ada yang sudah masuk sudah?*

Puan Ong Swee Leng: Sudah.

Tuan Pengerusi: *How did they allowed the student to actually occupied those building when dia tidak dapat lagi CCC. That also another- that's why I am trying to focus on the planning part and also the implementation on the pemilik projek dengan juga the pengurus projek.*

Puan Ong Swee Leng: *With the issue we highlight in our report also regarding the CCC that student walk in apart they still hasn't got the- we raised during the exit conference with the... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *The exit conference you did was with them ya?*

Puan Ong Swee Leng: *With them and JKR was later they came in.*

Tuan Pengerusi: *Was the contractor involved in the exit conference?*

Puan Ong Swee Leng: *Contractor...*

Encik Lim Chin Teong: *Consultant, contractors are all in.*

Tuan Pengerusi: *All in the exit conference, ya? So they cannot say that they were not involved in the exit conference ya?*

Puan Ong Swee Leng: *They were in. We have two or three sessions actually.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Puan Ong Swee Leng: *Two or three session with them and we also went down together with them for the site visit after the...*

Tuan Pengerusi: Okey. *Alright, ada soalan lain lagi sebelum kita panggil- tidak ada? Okey, panggillah.*

[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

11.57 pg.

Tuan Pengerusi: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang saya hormati Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Malaysia; Dato' Haji Nasir Mat Dam, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan; Dato' Prof. Dr. Zakaria Kasa, Naib Canselor UPSI. Pada pagi ini kita juga ada wakil daripada JKR. Cik atau Puan? Encik, *sorry*. Nama Encik macam nama saya juga, Nur Jazlan. Orang tidak tahu perempuankah lelaki. Norazreen Mohamad Nor, Penolong Pengarah JKR...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Jangan tersilap sudah.

Tuan Pengerusi: [Ketawa] ...Dan juga Dato' Aminuddin bin Hassan, CEO Sakata Sdn. Bhd. iaitu kontraktor kepada projek UPSI ini.

Jadi Dato', sebenarnya kedatangan Dato' pada pagi ini dikehendaki kerana Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 1 ini telah merujuk kepada pengurusan pembinaan Kampus Tetap Sultan Azlan Shah di UPSI, Tanjong Malim yang dikatakan mempunyai masalah daripada segi kelewatan dan sebagainya dan memerlukan penjelasan juga daripada pihak kementerian apakah sebab kelewatan tersebut dan juga masalah-masalah yang timbul dan juga apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk membuat penambahbaikan kepada projek ini.

Jadi pada hari ini saya rasa hendak bagi satu aturan sedikit kepada prosiding kita pada pagi ini. Saya minta Dato' kalau boleh Dato' mulakan dulu sebagai wakil daripada kementerian untuk memberikan penerangan. Selepas itu kita minta universiti sebagai pemilik projek untuk memberikan keterangan. Kalau sama keterangan itu tidak apalah. Selepas itu kita terus kepada keterangan daripada JKR sebagai pengurus projek ini. Akhirnya elok juga kita beri peluang kepada kontraktorlah untuk memberikan penjelasan.

Jadi kalau kita boleh gunakan aturan tersebut... Akan tetapi pada bila-bila masa Ahli- ahli Jawatankuasa PAC bolehlah bertanyakan soalan kalau ada apa-apa soalan yang perlukan penjelasan. Akan tetapi kalau boleh kita gunakan aturan tersebut supaya memberikan kelancaran kepada prosiding ini. Jadi, tanpa melengahkan masa lagi, saya minta Dato' untuk memberikan penjelasan dan kalau boleh, memperkenalkan dululah siapa-siapa ahli dalam pasukan Dato' pada hari ini. Terima kasih.

■1200

12.00 tgh.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang [Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Malaysia]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.*

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi PAC iaitu Datuk Nur Jazlan yang telah memanggil kami untuk memberikan keterangan dan begitu juga dengan Ahli-ahli PAC. Sebelah kanan saya ialah Dato' Nasir Mat Dam, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Pengajian Tinggi. Sebelah kiri saya ialah Dato' Prof. Dr. Zakaria, Naib Canselor UPSI. Tadi silap nama yang Ketua Penolong Pengarah Kanan JKR di Perak, namanya Ir. Encik Che Rahim yang menjaga projek inilah. Okey, kita ada Dato' Prof. Dr. Asma, kita ada Dato' Aminuddin daripada kontraktor Sakata.

Terlebih dahulu saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Kerja Raya yang telah membantu kami menyelia menyiapkan projek mereka bentuk membina menyiapkan dan mentauliahkan kampus induk Universiti Pendidikan Sultan Idris yang hari ini kita akan panggil UPSI. UPSI ada dua unit kampus iaitu satu unit kampus tetap yang lama dipanggil Kampus Sultan Abdul Jalil Shah dan kampus barunya ialah Kampus Sultan Azlan Shah. Dengan butiran seperti yang kita maklumi, kos projek dari segi infranya ialah RM35,100,000 yang bermula pada 1 Mac 2007 dan tamat pada 28 April 2008. Kemudian ada fasa dua pembinaan bangunan, RM419,250,000 yang bermula pada 1 Mei dan tarikh yang dijangka siap ialah pada 31 Januari 2012.

Jadi keseluruhan kos ini adalah sebanyak RM454,350,000.

Projek telah bermula pada 1 Mei 2008 iaitu projek yang kita maksudkan pada hari ini, dan siap pada 31 Januari. Kontraktornya ialah Kumpulan Sakata Sdn. Bhd. Kampus projek ini adalah untuk menampung seramai 10,000 orang yang meliputi kemudahan penyejukan bangunan daripada *cooling tower* untuk keseluruhan sepuluh blok bangunan kampus *Building Automation System* (BAS), dengan izin, *Supervisory Control and Data Acquisition* (SCADA) untuk mengawal penggunaan elektrik bagi keseluruhan kampus untuk menjimatkan kos utiliti dan penggunaan tenaga yang lebih efisien.

Pada Oktober 2013 Yang Berhormat, Jabatan Audit telah melaksanakan pengauditan ke atas pengurusan pembinaan kampus ini dan telah mengenal pasti lima penemuan yang telah diangkat untuk pertimbangan dan telah dibincangkan dengan pelbagai tahap iaitu:

- (i) *cooling tower*;
- (ii) BAS dan SCADA;
- (iii) *PA system* atau *public address system*;
- (iv) kualiti pembinaan seperti kondensasi di dinding, *drywall*; dan
- (v) Sijil Layak Menduduki ataupun CCC.

Penemuan-penemuan ini merupakan aspek *check and balance* dalam kementerian. Jadi kami mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Audit yang telah menemukan hal ini.

Untuk makluman, selepas daripada pihak UPSI menerima bangunan ini selepas siap, mereka telah mengenakan ataupun mereka telah mengenal pasti lebih daripada 1,000 *defect*, 1,100 *defect* yang telah dimaklumkan kepada kontraktor dan ketika itu kontraktor telah menyiapkan sebahagian besar daripadanya sebelum Audit datang.

Untuk penjelasan, kami ada membuat laporan bertulis. Jumlah kecacatan ketika audit datang itu sebanyak 155 yang juga telah diambil sebagai dapatan auditlah. Kami pun dalam senarai kami. Jadi Audit datang dan dia tengok 155 ini, *that is also our* senarai ya. Jadi perkara tersebut memang kita maklum satu persatu. Dia ada sebab kenapa kecacatan ini berlaku dan kenapa kita masuk dahulu. *I think* itu yang dipertikaikan di sini. Kenapa tidak cacatan dibaiki kemudian baru kita masuk? Jadi itulah *explanation* yang saya hendak bagi.

Walaupun terdapat kelemahan dari segi pelaksanaan sehingga ada sedikit kecacatan, penemuan dan kekurangan ini berlaku semasa tempoh kecacatan yang masih sah selaras dengan terma kontrak yang tamat pada 31 Mei 2014. Jadi ketika mereka masuk itu, masih lagi dalam *defect period*. Pihak kementerian memandang serius akan perkara ini dan telah mengambil langkah proaktif. Saya sendiri telah dua kali melawat ketika *exit conference* pada 3 Januari dan saya telah mengesahkan laporan JKR yang mengesahkan yang kelemahan-kelemahan itu telah dibaiki dan saya datang bersama dengan *team* saya daripada kementerian pada 2 Jun untuk pastikan yang semua laporan yang telah dikemukakan oleh JKR mengesahkan bahawa semua, lebih daripada 1,000 kecacatan itu telah dibaiki khususnya dengan lima yang kita sebutkan pada hari ini.

Soalnya, kerja-kerja pembinaan kampus disiapkan pada 31 Januari 2012 dan pihak UPSI telah berpindah ke kampus itu pada 1 Februari 2012 selepas *Certificate of Partial Occupancy* (CPO) diperoleh pada Februari 2012 setelah pihak JKR dan UPSI berpuas hati dengan pematuhan keperluan kontrak selesai melalui beberapa siri *testing and commissioning*, dengan izin. Ini perlu kerana kita hendak menjimatkan kos. Semasa berada di kampus ataupun semasa sebelum siap kampus ini, UPSI menyewa selama lima tahun di beberapa tempat di sekeliling Tanjung Malim yang menelan belanja purata RM493,000 sebulan. Jadi kita tidak boleh tunggu lama lagi sebab kalau kita tunggu lama kita kena bayar RM493,000 setiap bulan. Itu tidak termasuk dengan utiliti.

Ini sangat penting sebab kalender akademik pada tahun akademik berikutnya, kira-kira enam bulan daripada itu- kita masuk kalender akademik kita bulan sembilan, jadi mereka masuk bulan dua. So, mereka ada *preparation* buat pembetulan dan sebagainya untuk bersiap untuk menghadapi *student* baru yang akan masuk. Dalam usaha untuk menjaga kepentingan kerajaan dan pematuhan terma kontrak, penguasa kontrak telah mengenakan denda *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) ke atas kontraktor yang lewat sebanyak 169 hari berjumlah RM9,103,731 dan ditolak daripada bayaran kemajuan projek walaupun sebelum itu telah memberikan tiga kali lanjutan masa, EOT. Jadi kita telah mengenakan RM9.1 juta ini.

Hal lain-lain ialah tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan *cooling tower*, berkaitan dengan *public address system*, pematuhan spesifikasi JKR...

Tuan Pengerusi: Dato', boleh saya hendak tanya sikit? Tadi kalau ikut Dato' tadi, tempoh kontrak daripada 1 Mei 2008 sampai 25 Januari 2011. Itu tempoh kontrak..

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Tahun 2012.

Tuan Pengerusi: Sudah *sign*lah ya?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Masa itu pembinaan dimulakan masa itulah?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Pembinaan...

Tuan Pengerusi: Bilakah pembinaan itu dimulakan selepas kontrak di *sign*?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Pembinaan bermula— untuk bangunan ya? Kita cerita bangunan, iaitu pada 1 Mei 2008. Tarikh siap dalam kontrak kita ialah 31 Januari 2012.

Tuan Pengerusi: Tahun 2012 ikut kontrak ya?... Pada 31 Januari 2012.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Bermakna projek ini *on timelah*?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Campur EOT.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Tiga kali EOT

Tuan Pengerusi: Ya, ya lah tapi tarikh asal patut siap itu bila?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Tarikh asal siap ialah 27 Oktober 2010.

Tuan Pengerusi: Ha, okey. Saya tadi tidak *clear* perkara itu.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Ia ada tiga kali EOT.

Okey, saya hendak ulas dua perkara penting yang disebutkan dalam audit ini. Satu tentang BAS dan SCADA. Saya telah melihat ini sebelum dan selepaslah. Semasa saya pergi lawatan pertama pada bulan Januari, memang SCADA ini tidak berfungsi dengan baiklah, sebab ketika itu, mereka berpindah sepenuhnya. Jurutera yang mengendalikan hal-hal elektrik ini, mereka berada di kampus lama dan masih belum dipindahkan ke kampus tetap lagi. Jadi selepas daripada itu baru dipindahkan. Jurutera itu namanya Shahrudin Alias, ada ya? Dia ada dua orang pembantu juruteknik, Meor Awal dan Mohd Hafizul Adam. Kenapa saya sebut nama ini? Ini kerana ketika saya buat lawatan dulu, saya tanya siapa yang boleh buat benda ini, tiada orang yang tahu.

■1210

Dalam tempoh tiga bulan itu, saya kata saya mesti dapat orang yang tahu benda ini, saya hendak *check*. Kebetulan masa saya lawat pada 2 Jun, saya minta dia tukar.

Tutup lampu pada pukul enam petang, saya kata tutup pukul tujuh petang. Saya hendak tengok dia buat, dan memang dia boleh buat. Jadi lampu itu tutup pukul tujuh petang. Saya dapat *report* kementerian. Jadi maknanya *they really know the system*, selepas itu. Memang sebelum itu tidak ada orang yang boleh buat sebab semua duduk di kampus tetap ketika itu di Tanjong Malim. Ini kampus jauhnya tujuh kilometer.

So, dia tidak boleh hendak *commit* macam itu. Jadi akhirnya sekarang ini kampus tetap itu telah dipindahkan ke kampus ini, barulah semua tenaga kerja yang ada di kampus lama itu dipindahkan. Saya fikir perkara itu sangat baik dan mereka faham dan mahir tentang perkara ini.

Kedua saya hendak sebutkan tentang Sijil Layak Menduduki. Di bawah Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, keperluan untuk CF telah diganti kepada Sijil Penyiapan dan Pematuhan, *Certificate of Completion and Compliance* (CCC). Namun, semakan proaktif pasukan reka bentuk mendapati keperluan pensijilan penuh CCC hendaklah melibatkan penambahbaikan tangga luar di bangunan pusat pelajar.

Bangunan ini kecil sahaja Yang Berhormat. Bangunan ini belanja ia untuk saiz universiti daripada kos projek RM454 juta itu, bangunan ini hanya bernilai RM2.9 juta. Kita cerita tentang tangga kecil, tangga *exit*. Yang tidak dapatnya *exit* tangga itulah yang menyebabkan kita tidak dapat *certification* ini. *Exit* tangga itu selepas dibaiki, RM50 ribu harganya.

Tuan Pengerusi: Saya tidak faham. Kenapa benda itu tidak masuk dalam BOQ asal, dalam perancangan asal?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Isunya ialah pada peringkat awal, bangunan yang RM2.9 juta ini, mereka ada menggunakan seorang arkitek. Arkitek itu namanya ialah Jamaliah Architect. Akan tetapi *halfway* dia tidak boleh siapkan projek ini, telah diganti kepada Badrul Hisham Architect. Ketika proses peralihan itu, arkitek Badrul ini tidak setuju hendak *sign*. Dia kata, "*I don't agree with the design yang dibuat oleh Jamaliah ini*", dia hendak buat sendiri. Sedangkan *design* yang dibuat oleh Jamaliah Architect ini telah diluluskan oleh Bomba...

Tuan Pengerusi: Dato', saya tidak faham. Pasal projek ini, *project design and build* kan?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Ya.

Tuan Pengerusi: Jadi siapa yang melantik konsultan-konsultan arkitek ini?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Kontraktor.

Tuan Pengerusi: Kontraktor lantik ya?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Akan tetapi yang akan menandatangani semua itu ialah *Principal Submitting Person* (PSP) itu. Jadi bukan lagi Jamaliah.

Tuan Pengerusi: Itulah persoalan saya, kenapa benda ini boleh berlaku lantik arkitek yang sudah buat salah macam inikan dan akhirnya menyebabkan kelambatan berlaku dalam pembinaan ini?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Dato' Amin boleh bantu saya?

Dato' Aminuddin bin Hassan [Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sakata Sdn Bhd]: Tuan Pengerusi, pada peringkat awal pembinaan, kami melantik Jamaliah Arkitek untuk bangunan tersebut. Ada beberapa arkitek sebenarnya untuk projek ini. Oleh kerana ia projek yang besar dan kita hendak *expedite* dari *construction* itu, jadi kita pecahkan.

Jadi Jamaliah Arkitek *design* untuk pusat pelajar ini. Bila dia *design* semua dan kita pun membuat pembinaan. Pembinaan kita mendapat kelulusan Bomba pada asalnya semua. Jadi kita membina berdasarkan kepada lukisan Jamaliah Arkitek. Namun, kemudian di sepanjang perjalanan kontrak itu, kita menghadapi masalah dengan Jamaliah Arkitek. Oleh kerana itu berlaku *termination*, kita *terminate* Jamaliah Arkitek dan kita lantik arkitek baru.

Jadi apabila kita lantik arkitek baru... Bangunan itu sudah siap. *Basically* sudah siap. Namun, sebagai arkitek yang *Principal Submitting Person* (PSP) ini, arkitek Badrul Hisham berpandangan interpretasi berkenaan dengan *exit staircase* ini tidak mencukupi untuk isu keselamatan. Walhal, Bomba sebelum itu- ini *subject to interpretation of the person*, Tuan Pengerusi. Jadi, oleh kerana Badrul Hisham adalah *the Principal Submitting Person*, jadi kita akur kepada pandangan beliau dan Bomba pun, Bomba *concur*, dia *consent* sahaja. Maknanya dia punya *approval* itu, dia lebih kepada *checking*. Jadi kalau *principal submitting architect* tidak berpuas hati, dia hendak buat satu *submission* yang berbeza, jadi Bomba *concur*. Jadi oleh kerana itu, kami terpaksa buat tangga barulah, dua *additional* tanggulah untuk memenuhi pandangan arkitek Badrul Hisham.

So saya rasa, *this is very commendable* punya *action*, *very responsible* by Badrul Hisham, dan kita pun akur. Jadi oleh kerana itulah berlaku kelewatan itu. Pada peringkat awalnya- oleh sebab projek sudah siap, bangunan sudah siap, tumpuan kita adalah untuk menyiapkan keseluruhan projek. Jadi akhirnya berlaku kelewatan untuk kita buat *submission* baru dan kebetulan peringkat Bomba sendiri pun mengambil masa sedikit sebab Bomba pada peringkat itu pun Bomba sendiri memaklumkan kepada kami ialah...

Tuan Pengerusi: / punya soalan tadi adalah yang lantik Jamaliah *you*, yang lantik Badrul pun *you*?

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Yes, correct.*

Tuan Pengerusi: Yang jadi kelewatannya lah.

Dato' Aminuddin bin Hassan: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Pasal *you* adalah *contractor design and build*.

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Yes.*

Tuan Pengerusi: Maknanya betul-betul di bawah bidang kuasa *you* lah?

Dato' Aminuddin bin Hassan: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Bukan di bawah bidang kuasa JKR ataupun universiti?

Dato' Aminuddin bin Hassan: Betul, betul.

Tuan Pengerusi: Okey. Itu sahaja saya hendak tanya.

Dato' Aminuddin bin Hassan: Okey.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *For the sake of clarity*, berapa lama antara penukaran kontraktor Jamaliah kepada Badrul Hisham itu dengan *completion of the building* itu?

Dato' Aminuddin bin Hassan: Ia proses penukaran arkitek ini mengambil masa. Apabila kita *terminate the consultant*, kita terpaksa pergi kepada Lembaga Arkitek untuk memperoleh kelulusan. Jadi Lembaga Arkitek, untuk memperoleh kelulusan, dia akan buat satu siasatan dulu. Dia panggil pihak kami dan panggil pihak arkitek. Jadi sampai ke tahap yang dia berpuas hati, ada *ground for the sake of project*, Lembaga Arkitek bersetuju, barulah kami dapat melantik arkitek yang lain. So, saya ingat proses itu mengambil sembilan bulan, setahun?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Aminuddin bin Hassan: Ya, *in the region of half a year to nine months*, macam itulah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Maksud saya bila Badrul Hisham ambil alih, bangunan asrama pelajar itu sudah tahap berapa?

Seorang Ahli: Bukan asrama.

Dato' Aminuddin bin Hassan: Ini pusat pelajar.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Pusat pelajar ini sudah buat sudah?

Dato' Aminuddin bin Hassan: Sudah buat sudah. Sudah siap pun. *All the structural are completed.*

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Tuan Pengerusi, saya hendak jelaskan di sini ya. Dalam tempoh *defect period* ini, berakhir pada 31 Mei. Jadi saya datang untuk buat lawatan pada 2 Jun yang baru lalu dan saya dapati 99.9% daripada apa yang telah dianggap sebagai *defect* dalam tempoh dua tahun itu telah dibaiki. Kecuali satu iaitu tangga itu. Oleh sebab itu saya sebut tentang tangga ini, kenapa tangga jadi lewat sangat sebab kita dapatkan Bomba punya *agreement* dan sebagainya.

Untuk makluman, *design* yang Jamaliah buat itu, tangga itu diluluskan. Akan tetapi sebab yang hendak *sign* nanti ialah Badrul, Badrul tidak sanggup. Dia kata hendak buat benda lain. Jadi itu yang jadi lambat. Jadi proses kita hendak tunggu Badrul ini setuju dengan kita, kemudian itu Bomba setuju dengan kita, kita hendak *construct according to what is required by* Bomba, dengan izin, mengambil masa. Jadi benda itu sebenarnya sangat kecil. Kalau saya tengok hari itu, *it can be done*, kalau kita buat sendiri untuk rumah kita, *it can be done within one week because of the process* yang ada ini menyebabkan tertangguh, tertangguh, tertangguh.

Jadi sebelum saya mengakhiri ini, saya hendak sebutkan bahawa proses ini ialah proses yang saya fikir telah melalui pelbagai prosedur yang tetap dan tepat. Kita hendak maklum ada kelewatan, kita mengenakan LAD lebih daripada RM9 juta.

Kita juga maklum bahawa kelemahan-kelemahan dan kerosakan itu telah dibaiki dan kita juga telah mengambil beberapa tindakan yang punitif dan saya juga telah memaklumkan kepada *management of university to make sure*, pastikan yang pekerja-pekerja universiti ambil maklum tentang perkara ini. Kita juga pastikan yang ada orang yang jaga SCADA dan BAS. Sebelum ini tidak ada *designation person*. Sekarang ini saya hendak tahu siapa yang bekerja dan orang itu mesti tunjukkan kepada saya yang dia boleh *manipulate* benda itu.

Ini kerana dalam laporan audit yang lalu, tidak ada orang yang dipertanggungjawabkan menjaga kedua-dua sistem ini dan saya sudah pastikan perkara tersebut telah dilaksanakan oleh UPSI. Terima kasih Yang Berhormat dan Ahli-ahli PAC lain.

Tuan Pengerusi: Dato', saya hendak tanya sikit. Memandangkan projek ini adalah projek runding terus dan *design and build*, adakah pihak kementerian berpuas hati dengan projek ini, dengan kontraktor? Pasal apa, isunya saya tengok begini. Bangunan itu dari segi *construction* tidak ada masalah, yang ada timbulnya adalah peralatan yang masuk selepas itu. Dan sama ada peralatan yang masuk selepas itu adalah tanggungjawab kontraktor binaan ataupun adakah ia merupakan tanggungjawab daripada universiti? Adakah pegawai daripada universiti itu sendiri bertanggungjawab dan mempunyai kemahiran untuk hendak *handle* peralatan yang ada ini?

■1220

Dato' Seri sebut tadi Dato' Seri pergi ke sana buat *surprise check* tanya siapa pegawai yang *manage* peralatan-peralatan yang ada kelemahan yang disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara. Apa yang saya buat kesimpulan adalah ada juga kelemahan di pihak universiti sendiri di mana staf yang ada itu mungkin tak mahir dalam menguruskan hal-hal peralatan *fire extinguisher*, SCADA dan sebagainya ini.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi pihak kementerian, kami memandang perkara ini sebagai projek yang terlewatlah. Kita harus akur. Oleh sebab itu kita berikan EOT, kita kenakan LAD. Jadi, itu standard. Maknanya, memang ada isu tentang projek ini daripada segi kelewatan. Oleh sebab itu kita kenakan denda. Nombor satu.

Nombor dua ialah tentang *transformation*. Tuan Pengerusi, kampus asalnya ialah lapan kilometer jauh dari situ. Apabila mereka datang ke tempat ini, kampus induknya masih lagi di kampus lama. Saya juga ada pengalaman masa saya pindah dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru dulu. Ketika itu lagi jauh sebab kampus kita di Kuala Lumpur. Ini lapan batu. Sebahagian besar daripada kakitangan yang sepatutnya bertanggungjawab untuk *aircond*, untuk elektrik apa semua masih lagi berpusat di sana. Mereka dalam proses untuk pindah. Satu pindah, dan yang kedua untuk menyerahkan semula bangunan-bangunan yang mereka sewa sebelum ini kepada pihak empunya bangunan tersebut dan proses perpindahan itu mengambil masa yang lama sebab mereka terpaksa baiki bangunan itu mana yang rosak.

Dan mereka juga kena buat justifikasi sama ada sebahagian daripada perabot itu boleh dipindahkan tidak dan sebagainya. Proses sangat lama dan ketika itulah semua benda ini berlaku.

Saya simpati dengan Naib Canselor ketika itu sebab proses ini tiba-tiba audit datang ya dan ketika dalam proses yang macam itu. Jadi, saya fikir kita mungkin beri sedikit simpati kepada pengurusan tentang hal ini dan isunya, perkara yang kita timbulkan telah di *address*, telah diambil tindakan oleh Naib Canselor. Saya sendiri telah jumpa *technician* yang jaga *cooling tower*. Tanya dia macam mana *you* buat *operate*- kalau kontraktor tidak ada, *you* boleh buat atau tak boleh buat?

Dia kata memang tiga orang ditempatkan di situ. Tiga orang jaga *cooling tower*, tiga orang jaga BAS dan SCADA selain daripada tugas-tugas lain. Sebelum ini tidak ada *dedicated person* yang dinamakan kena bertanggungjawab pada benda itu sebab sebahagian mereka masih lagi di kampus tetap. Jadi, saya bagi pihak kementerian, itulah jawapan saya. Kita rasa perkara ini lewat. Kita telah dikenakan tindakan dan kita juga telah maklumkan kepada UPSI cepatkan sedikit proses pemindahan. Semua perkara itu harus dibawa ke kampus baru. Mungkin Naib Canselor hendak tambah.

Dato' Prof. Dr. Zakaria Kasa [Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Bagi pihak UPSI, kami mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada semua pihak terutama sekali kementerian yang akhirnya kami mendapat sebuah kampus barulah. Kalau hendak ikut keupayaan kampus sedia ada ini memang tidak mampulah sebab 80 ekar. Seluas 80 ekar dengan jumlah pelajar sekarang ini yang duduk dalam kampus 12,000 dan yang Master, PhD 5,000 *and then* kita ada di luar 11,000, kita ada *on PJJ*. Jadi, *total up nearly* 28,000 pelajar UPSI sekarang.

Jadi keupayaan kampus lama memang tidak cukuplah. *Parking* kereta pun penuh. Sekarang ini *alhamdulillah*, dengan adanya kampus baru, kita tak payah lagi sewa bangunan-bangunan di luar terutama sekali kita sewa dengan bangunan Proton Citylah, bangunan mereka. Itu pun mereka hendak ambil balik. Nasib baik kampus ini siap dan kita dapat berpindah. Kita *fully utilize in* September dengan izin. Kita masukkan pelajar pada September 2012 tetapi sebelum itu kita sudah masuk pada 1 Februari 2012 itu kita dibenarkan masuk sebab kita dah dapat CPO itu dan kita masuk dan untuk letakkan perabot-perabot pensyarah. Pensyarah mula masuk bulan Mei 2012. Jadi, pelajar masuk September.

Jadi, *alhamdulillah*, sekarang ini keadaan dah *settle*, dah dapat diselesaikan. Bagi kebanyakan kami pun apabila sudah diserahkan dahulu kita buat *checking*lah apa yang masalah-masalah atau *defect* yang ada. Kita pun dah kompelin dan tindakan telah pun diambil. Cuma daripada segi macam Dato' Seri kata tadilah, operasi di kampus baru ini, sebab bagi JPPHB, bahagian yang diamanahkan untuk menjalankan *maintenance* dan juga penyelenggaraan, masih di kampus lama dan jumlah pekerja yang agak *limited* ya, terhad. Akhirnya kita terpaksa agih jugalah.

Oleh sebab itu kita berlandaskan kepada *exit survey* dan juga teguran daripada pihak Audit Negara dan kita telah ambil tindakan semuanya untuk mengatasi masalah-masalah berkenaan. *Alhamdulillah*, semuanya dalam keadaan yang baiklah sekarang.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan. Oleh kerana ini adalah kontrak *design and build* dan saya tengok justifikasi untuk lanjutan masa, saya hendak tahu siapa yang memberi kelulusan untuk melanjutkan masa? Ini kerana kita melihat tempoh pertama adalah sebab kenaikan harga bahan. Pada saya, kenaikan harga bahan adalah tanggungjawab kontraktor di dalam *design and build*.

Sama juga dengan kedua dan ketiga di mana kelewatan ialah keputusan untuk reka bentuk. Bukan reka bentuk di dalam *design*kah? Siapa yang bertanggungjawab mengikut kontrak? Kontraktor atau universiti tentang perkara ini?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: *Engineer* Che Rahim ya, jawab.

Encik Che Rahim bin Che Mustapha [Ketua Penolong Pengarah Kanan Cawangan Pendidikan dan Pengajian Tinggi, Jabatan Kerja Raya]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk-Datuk. Jadi, berhubung kait dengan lanjutan masa yang telah dikeluarkan kepada pihak kontraktor. Lanjutan pertama berhubung kait dengan kenaikan harga bahan. Ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 3. Tahun 2008 di mana 90 hari diberikan di atas kenaikan harga kepada pihak kontraktor. Pertama.

Kedua, lanjutan masa kedua dalam tempoh 83 hari. Kelewatan ialah kerana *to side off whatever the designs*, kita perlukan *consent* daripada pihak klien. Jadi, daripada situlah *whatever the submission* daripada pihak kontraktor perlu *both parties agreed* barulah *whichever they design to be endorsed together*. Itu mengambil masa. Ketiganya, apabila kita hendak *go for the* reka bentuk siling akuastik, ini juga melibatkan reka bentuk. Jadi, sebelum pada kontraktor dapat *go for their* punya penempahan untuk *service provider*, yang ini kita dapat tempoh yang diperlukan oleh pihak kontraktor untuk *go for their* punya *design*. Itu Tuan Pengerusi.

Tuan William Leong Jee Keen: Tentang kelewatan untuk keputusan mereka bentuk, ini adalah kelewatan di kementerian atau di universiti?

Encik Che Rahim Che Mustapha: Sekarang ini, kalau *default on the government*, maaf saya. Kalau *default on the government*, so kita kena bagi *extension of time*. Jadi, sekarang ini pihak kontraktor sudah *submit* tetapi dalam persetujuan untuk kita mendapatkan satu persetujuan bersama di antara klien dengan pihak kontraktor dan di sinilah saya kita kata masa yang diperlukan. So, yang ini kontraktor *claim for the extension of time*.

Tuan William Leong Jee Keen: *So what is the reason for the delay by the government?*

Encik Che Rahim Che Mustapha: Kadang-kadang dari segi reka bentuk yang dikemukakan oleh pihak kontraktor ada perubahan yang dicadangkan. Dalam pada itu, kita cuba *to avoid whatever the changes in the scope*. Oleh sebab *when changes in the scope*, ini akan mengakibatkan VO.

Jadi, ini kita kata kita *avoid the scope changes*, cumanya dari segi perubahan dari segi fasad yang tidak menimbulkan apa-apa perubahan harga.

Tuan Pengerusi: Soalnya sekarang ini bila *design and built*, kontrak dah *sign*, maknanya dia punya *statement of need* semua sudah ditetapkan. Maknanya tidak ada perubahan lagilah. Kenapa lepas itu ada perubahan?

Encik Che Rahim Che Mustapha: Kita ada peringkat *design and built*. *Firstly they come up with a conceptual design so the conceptual designs after benda itu was approved masa order.*

Okay, when comes to details design, di sinilah kita kata keperluan, perincian yang kemas kini. Perincian yang mana perlu to get the need statements to be complied as accordingly.

Tuan Pengerusi: *The contractor will agree with the need statements yang you prepare ataupun yang pemilik projek dengan pengurus projek preparedkan before they sign the contract? Soalnya, berapa lama kah this 'ding-dong' negotiation is going on after the contract has been signed?*

■1230

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Because benda ini juga kita kata sekarang ini, when come to the detail. Contohnya kalaulah kita kata kelewatan keputusan reka bentuk perabot makmal, so adalah perabot makmal ini melibatkan service provider. Whichever the kelulusan bahan, whichever submissions by contractor, have to comply as according to whatever the standard. Itu yang melibatkan makmal lah. Ini yang kita tahu when come to the detail.*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *Akan tetapi Tuan Pengerusi, dia sudah ada design and build. Design and build kalau hendak tukar design itu selepas contract disign itu, ini bermakna kesalahan pihak kerajaan, bukannya pihak kontraktor. Terlewatnya kerana pihak kerajaan tidak meneliti design terlebih dahulu. Adakah ini benar?*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Benar, because the default on the government itu yang kita bagi extension of time to the contractor. Itu yang kita bagi extension of time due to that reason. Itu yang kita bagi extension of time.*

Seorang Ahli: *So, it is a government fault?*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Default on the government decide. That's why kita bagi extension of time.*

Tuan William Leong Jee Keen: *That's why the PAC must look and see the government don't continue despite the default.*

Dr. Tan Seng Giaw: *Jadi saya hendak tahu siapakah yang melantik kontraktor ini?*

Seorang Ahli: *MoF.*

Tuan Pengerusi: *Runding terus.*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Kementerian Kewangan.*

Dr. Tan Seng Giaw: *Jadi adakah ini bermakna kesalahan itu kesalahan Kementerian Kewangan?*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Dalam masa peringkat pelaksanaan, perkara-perkara ini berbangkit. Dalam kontrak kita pun ada, ada klausa berkaitan dengan extension of time. So kalau sekarang ini perubahan dari segi reka bentuk dan ia perlukan yang mana consent daripada pihak pelanggan, so we have to fulfill. Cumanya sekarang ini tidak melibatkan VO kerana tidak merubah the scope asal.*

Dr. Tan Seng Giaw: *Adakah pihak kementerian menganggap projek ini value for money?*

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Yang Berhormat, bagi pihak kementerian, *value for money* bagi kita ialah kita pastikan yang pelaburan kita mendapat habuan yang sebaiknya. Kita cuba hendak mengelakkan menyewa. Opsyen yang lain ialah kita terus menyewa ataupun kita buat kampus yang lebih kecil daripada ini. Jadi pada hemat kami, ketika projek ini bermula, *this is value for money project* dan kita pun telah membuat beberapa bengkel yang diketuai oleh EPU untuk memastikan yang projek ini mendapat lebih daripada apa yang kita laburkan. Satu, dari segi kemudahan dan yang kedua ialah dari segi penampungan lebih ramai mahasiswa pada masa akan datang.

Sekarang ini dengan ada kampus baru ini, saya jemput semua Yang Berhormat kalau ada masa kita boleh melawat kampus ini. Kampus ini *is very* cantik, sangat cantik, di belakangnya ada bukit yang *background* nya, *backdrop* nya itu bukit, gunung-gunung yang cantik. Di tengah-tengah itu ada kampus.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi...

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Jadi dengan cara ini, lebih ramai mahasiswa boleh dilatih dan di...

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, berapakah pelajar yang dimasukkan sebelum CCC? Kesemua 28,000.

Dato' Prof. Dr. Zakaria Kasa: Kita masukkan 5,000 dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Jumlah 5,000 dahulu.

Dato' Prof. Dr. Zakaria Kasa: Sekarang kapasiti *around* 10,000.

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi adakah Dato' Seri fikirkan kontraktor lain mungkin lebih kompeten, boleh menyiapkan bangunan yang dikehendaki dengan lebih baik, lebih awal? Adakah ini kemungkinannya?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: *Very subjective question*, saya pun tidak berani hendak jawab.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *I was about to defend them. I think this goes to MoF. They are the user. I think MoF is the one yang decide the contract* ini, kemudian baru *pass* kepada user.

Cuma saya hendak betulkan JKR tadi. JKR cuma tengok tidak ada VO sebab tidak payah bayar kepada kontraktor. Ini macam Dato' Seri KSU beritahu, kita sewa RM500,000 sebulan. *Delay* daripada 2010 ke 2012 itu sudah 24 bulan, kali dengan RM500,000 sudah RM12 juta.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: *No, RM29 million.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *RM29 million?*

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: *RM29 million.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Jadi kita kena selalu lihat benda itulah. Kita tengok kita tidak hendak kontraktor, kita *negotiate* tidak ada VO. Akan tetapi *at the end of the day, because delay*, lewat, kita kena bayar RM29 juta pada *source* yang sama juga. Jadi tidak betullah kata memang VO kontraktor tidak ada tetapi daripada segi kos itu kita tambahan hampir RM30 juta.

Tuan Pengerusi: Pasal kontrak ini dia tidak *burst the budget* kan? Jumlah peruntukannya memang RM459 juta...

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Ya.

Tuan Pengerusi: Yang belanja- RM459 juta ya?

Seorang Ahli: RM419 juta.

Tuan Pengerusi: ...Yang belanja cuma RM442 juta ya?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dengan tanah, RM459 juta.

Tuan Pengerusi: ...Akan tetapi bajet asal dia berapa?

Seorang Ahli: RM419.20 juta

Tuan Pengerusi: Tetapi maknanya projek ini tidak *burst the budget* lah. Bajet yang diberikan oleh Kementerian Kewangan, kontraktor tidak *burst*lah. Okeylah daripada segi itu.

Cuma pemahaman saya mengenai *design and build is, once you produce a need statement, you* sudah *agree* dengan kontraktor. *As long as contractor works within the budget, that is done* lah. *There is no need to basically question* apa yang dia hendak pakai, barang dan sebagainya. Pasal *that should be agreed upfront already*. Kalau saya jadi kontraktor pun saya tidak akan *sign contract open ended* kata lepas ini boleh buat perubahan, *variation to the contract because once it is design and build, I take the responsibility, not the government take responsibility*. Itu yang saya hendak fokus di sini sebenarnya siapa yang *at fault here* lah.

To me, the project is under the budget. It is done. The fault walaupun ada 1,000 tetapi kalau kita kumpulkan yang kritikal tidak ada sebenarnya. *This just about equipment* sahaja dan sebagainya. Itu yang saya hendak fokus pada hari ini. Kalau boleh kita *keep within that scope* lah ya. Saya tahu Timbalan Pengerusi saya dia memang ada syak wasangka dia tetapi kita kena *narrow down to the subject matter* lah. Itu sahajalah... [Ketawa]

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya, kontrak yang diawarkan daripada masa yang diawarkan itu hinggalah masa yang kontraktor nak buat tuntutan dan minta kenaikan harga, berapa lama tempoh masa itu? Daripada masa yang dia dilantik sebagai kontraktor sampai ke masa...

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Kenaikan harga itu. Masa ketika kenaikan harga itu bila?

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: Kenaikan harga itu melibatkan pada 25 Januari 2011. Ini sebab *one year* itu di mana kenaikan harga mendadak. Kalau dahulu JKR cuma *go for certain* item sahaja tetapi sekarang ini termasuk dalam kerja-kerja *electrical* dan mekanikal sekali.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Kita mula tahun 2008.

Datuk Liang Teck Meng: Tahun 2008.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Tahun 2011 yang ketika itu...

Datuk Liang Teck Meng: Bermakna dia terpaksa guna harga yang tiga tahun lepas untuk melaksanakan projek ini?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Ya. Ketika mereka hendak pasang *equipment* elektrik dan sebagainya, ketika itu harga naik.

Tuan Pengerusi: Masalahnya bila kontrak itu lambat, inilah jadi masalahnya, dia punya *inflation of the cost* kan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Berapa ramai konsultan yang ditukar dalam projek ini?

Dato' Aminuddin bin Hassan [Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Sakata Sdn. Bhd.]: Satu sahaja.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Siapa ya?

Dato' Aminuddin bin Hassan: Jamaliah Arkitek.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Mechanical and electrical, consultant?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: Satu lagi *mutual, M&E Consultant. It's a mutual termination*, tidak ada isu lah, *mechanical consultant*.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Maksudnya perubahan konsultan ini berapa ramai?

Dato' Aminuddin bin Hassan: Dua sahaja, dua.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Satu, arkitek dengan...

Dato' Aminuddin bin Hassan: Satu arkitek, satu lagi *mechanical engineer*.

Tuan Pengerusi: *Why* berubah?

Dato' Aminuddin bin Hassan: Bila kita rasa dia- maknanya perjalanan itu, *relationship between us and the consultant*, kita rasa akan menyebabkan terjejas projek, jadi kita terpaksa ambil satu tindakan yang...

■1240

Tuan Pengerusi: *Is it local consultant* ataupun...

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Local*, kita semua *hundred percent local consultant*.

Tuan Pengerusi: *Local consultant. Is it equipment consultant or design architect consultant?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Design architect consultant* satu, kemudian *mechanical engineer* satu.

Tuan Pengerusi: *Mechanical engineer itu is supplier of the equipment* ataupun...

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Design, design*.

Tuan Pengerusi: *Design* ya. Oh! ada *problem* dengan *design*. *Which part is the problem?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: Ada *problem* dengan *design* itu tetapi kita punya *switch* kepada *the other-* oleh kerana dia *mutual*, dia *immediately* kita dapat *replacement*.

Tuan Pengerusi: *On what equipment, what equipment?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Mechanical engineer*.

Tuan Pengerusi: *For the building itself?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *A lift, a water*.

Tuan Pengerusi: *Aircond?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Lift and water* sahaja. Dia punya skop memang kecillah.

Tuan Pengerusi: *Not cooling tower* inilah?

Dato' Aminuddin bin Hassan: *No, no, no.*

Tuan Pengerusi: *Okey. Because a cooling tower ini is a problem. I thought it was M&E yang berkenaan ini ada kena mengena dengan cooling tower itu.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Cooling tower* bawah M&E tidak?

Dato' Aminuddin bin Hassan: Ya, bawah M&E. Cuma kita ada *another* konsultan M&E. Bila *mutual termination*, kita *immediately* dapat *replacement*.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Ia sama ada *mutual* atau tidak *mutual* itu nombor dua. Soalan saya ini ialah bila kita mula kontrak kita ada arkitek, kita ada *all this thing*. So dalam perjalanan projek ini Dato' tukar dua kontraktorlah?

Dato' Aminuddin bin Hassan: Dua konsultan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dua konsultanlah. Satu, *the consulting architects* itu sendiri, kedua M&E.

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Yes.* Bukan untuk keseluruhan projek Yang Berhormat, untuk satu *parcel* yang kecil sahaja. Jamaliah Architech tadi untuk bangunan pelajar.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Hendak tanya, ada atau tidak mekanisme yang, maksudnya lebih cepat? Sebab macam tadi dia ambil masa sembilan bulankan sedangkan benda itu kalau dibuat maksudnya tidak perlu dengan kelulusan daripada Persatuan Arkitek dan sebagainya...

Dato' Aminuddin bin Hassan: Lembaga Arkitek.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin: Ada tidak- maksudnya daripada pihak kementerian dalam untuk kita akan datang projek supaya memudahkan pihak kontraktor tidak mengalami masalah. Ini saya rasa saya tujukan pada pihak kementerian. Ada tidak mekanisme yang cepat untuk kita sebarang pertukaran *any consultant* pada masa akan datang?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Pertukaran konsultan ini laporan kita kepada Lembaga Jurutera, Lembaga Arkitek dan sebagainya sebab biasanya itu kaedahnyalah. Oleh sebab dia tidak *qualify* untuk siapkan projek ataupun ada masalah, jadi kita minta *endorsement* daripada mereka. Jadi Lembaga Arkitek yang bertanggungjawab dalam hal ini.

Dato' Aminuddin bin Hassan: Maknanya ini bidang kuasa lembaga masing-masing. Kalau arkitek, arkitek, *engineer, engineer*. Jadi dia orang *leeway* kalau hendak cepat *replacement* itu ialah kalau *by mutual consent*lah. Kalau *mutual consent* dia tiada isu langsung, dia boleh *immediately take effect*. Akan tetapi kalau *force termination*, dia memang isu dia panjanglah.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Tuan Pengerusi, *the principal consultant is architect*, kan?

Dato' Aminuddin bin Hassan: *The leading consultant, yes, architect.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *So the appointment of the other consultant, mechanical, electrical dan sebagainya dilantik oleh arkitek ataupun oleh kontraktor?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *In our case kontraktor lantik satu-satu.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Kalau principal architect, dia punya agreement disign between the principal architect dengan konsultankan? You don't pay directly to your konsultan yang lain?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Payment kita semua through JKR. Direct, not through us. Even thought is part of the contract tapi kita consentlah, kita consent kepada request by the konsultan, jadi kita allowing untuk JKR bayar secara langsung kepada all our consultant.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *So when the principal consultant was terminated, Jamaliah ya?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *No, no. She was not the principal consultant. Principal consultant is FAA Architect. Lead consultant is FAA Architect.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *That FAA Architect is not here?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Ada, ada.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Is not in the report.*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Oh?*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *How many architects were there?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Kita ada dua arkitek. FAA Architect and BHA Architect.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Projek yang besar itu siapa arkiteknya?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Paling besar ialah FAA.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Boleh saya tanya JKR. When you issued CPC in 2012, tetapi finding daripada Jabatan Audit 2013 ada spesifikasi JKR yang tidak dipatuhi. So how was CPC issued when there was this defect or rather specification yang tidak comply?*

Beberapa Ahli: *CPO.*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Tuan Pengerusi, before the CPC was issued, di peringkat awal kita ambil inisiatif di mana kita mengeluarkan Certificate of Partial Occupation. It was being allowed in our contract di mana partially for the occupation untuk pihak klien masuk, so kita bagi beberapa zon untuk pihak klien masuk dengan persetujuan pihak kontraktor.*

So until the last event kita keluarkan CPC kerana pada masa itu kita dapat consent daripada pihak konsultan, that means they have meet whatever the requirements as accordingly in the contract. So yang itu kita keluarkan CPC.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Who issued the CPC?*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *JKR, project director.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *You depend based on the consultant punya reportlah?*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Yes.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Or rather from JKR as inspection?*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Whatever the specification complies of as accordingly within the contract, so we have got the right in the contract, the right to issue the CPC as accordingly.*

Tuan Pengerusi: *So you issue that cert as project manager, not as an authority lah?*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Not authority. Authority comes out with the CCC.*

Tuan Pengerusi: *Okey.*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *JKR on the CPC as a contractual.*

Tuan Pengerusi: *So anything goes wrong you take responsibility lah macam itu?*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Right, yes.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Cuma this is for our reassurance ya. Macam Dato' Seri kata tadi, dia basically yang masalah CPC ini, Bomba ini, hanya on that building sahajakan? It's not keseluruhan. That's why kita benarkan pelajar masuk sebelum kita dapat itu, kan?*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Saya hendak clarification, JKR ya. When you issue the CPC, you based on contract management as long as you comply with the contract, not on the technical aspect of it?*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Based on the technical.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Technical ya.*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Technical and contractual compliance.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *So how come audit finding ada non compliance in your specification?*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *So sekarang ini apabila audit finding yang saya dapati sekarang ini berhubung kait dengan kecacatan during defect liability period. So after all, kita sudah keluarkan satu jadual kecacatan akhir since kita punya defect liability period start off within the – kalau izinkan saya go through, kita ada on one of our slide.*

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: *Ada slaid kita, ada tunjuk.*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *So kalau di sini...*

[Merujuk kepada slaid pembentangan]

Sekarang ini kita hold on within contractual after kita sudah keluarkan CPC. So within clause 48.2, syarat kontrak telah diserahkan kepada kontraktor, kita keluarkan satu jadual kecacatan akhir di mana kontraktor kena siap dalam tempoh tiga bulan 28 hari which ended last 31 May. So di situ kalaulah kontraktor dapat menyiapkan kecacatan, membaiki kecacatan dalam tempoh tersebut, makna kita akan keluarkan Certificate on Making Good Defect (CMGD). Akan tetapi until today kita tidak keluar lagi CMGD because that CMGD were hold the performance bond which cost around RM10.5 million which contractor yet to receive it. Until kita certified the Certificate on Making Good Defect, kita endorse it. Yang itu kita hold this contractually.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Am I right to say that non compliance of specification is different from defect?*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *If from the audit punya finding, if I can go through the detail here, is not actually- because sekarang ini kita tengok pada latent defect and the so called design defect, pattern defect. So contohnya dalam cooling tower, it is not really a latent defect. It is more on the pattern defect di mana ada perubahan dalam reka bentuk. So end of the day, the contractor will be responsible dalam dia punya reka bentuk, dia ada penambahbaikan di mana end of the day, dia comeback with orang kata penambahbaikan yang dapat whatever the system is functional. So, itu yang kita kata yang whatever the audit finding, is in the process of orang kata, penambahbaikan.*

■1250

Tuan Pengerusi: *Akan tetapi Audit, why do you find something wrong with this? Kalau benda ini boleh diperbaiki ataupun- benda ini ikut spec lah sebenarnya. Kita confused ini. The cooling tower itu, Audit kata memang tidak berfungsi dan kalau berfungsi pun ia incur a lot of water use, water leakage but obviously, the selection of the cooling tower punya equipment itu worse then at the start at the contractual period. So, apa yang masalah sekarang ini ialah perbezaan pendapat, your definition dengan Audit punya definition ini what is the latent punya fault ataupun is a- apa tadi Che Rahim pakai, apa term tadi? Saya pun tidak berapa hendak... [Ketawa]*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Latent defect dengan patent defect.*

Tuan Pengerusi: *Ya, latent defect dengan patent defect tetapi the choice dalam equipment you buat masa you sudah sign contract. So why does it happen?.*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Okay, apabila we come to the design, yang sebagai contoh dekat sini, when come to the cooling tower, supposed the cooling tower will be at the same level, at the rooftop. Jadi sekarang ini masa design part, there are two big cooling tower dengan small cooling tower. So, with the big cooling tower, whatever dia punya weight, it will be higher. So, end of the day, kita punya structural consultant raise up dia punya beam size untuk menampung dia punya weight. Jadi di sinilah kita kata there will be two levels of different. Yang kecil duduk di bawah, yang besar duduk di atas.*

Jadi at the end of the day, when we come to the operational wise, whatever the inflow of the water or the thing will be shut off, water start to travel going down to the lower. Ini yang kita kata pembaziran air. Akan tetapi kontraktor sudah stop of and then they come up with their remedial work dengan menggunakan six motorized valve di peringkat awal. Akan tetapi, yang kontraktor buat on the lower part, not at the upper part. After they switch off, still the water from the top going down, yang itu lagi- jadi at the end of the day, whatever the patern, dia ubah balik, and they come up with the another eight motorized valve- di atas, bukan di bawah.

Dulu di bawah *six motorized valves, so still a water turun, overflow*. Jadi sekarang ini apabila dia buat *eight motorized valves* kat atas, *no water flows*. Itu yang *the remedial taken by the contractor* lah.

Tuan Pengerusi: *Why one big cooling tower and one small tower, kontraktor, kenapa?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: Okey Tuan Pengerusi, kalau boleh saya patah balik ke belakang sikit Tuan Pengerusi ya berkenaan dengan CPC. CPC ini dikeluarkan setelah perakuan dibuat oleh kesemua konsultan kami. Perakuan kata kita sudah *comply* kepada *all the condition of contract*. Kita sudah mematuhi kesemua spesifikasi. Daripada kami punya konsultan, angkat *recommendation* itu kepada JKR. Daripada situ baru JKR keluarkan CPC.

Apa yang paling penting untuk pengeluaran CPC ini ialah mestilah semua NCR ditutup. Ini isunya. NCR ini ialah *non-conformance report*. Macam Yang Berhormat kita sebut tadi ini, *NCR is not same* dengan *defect*. Jadi kalau NCR tidak ditutup walaupun satu, tidak boleh dikeluarkan CPC.

Akan tetapi *defect is part of normal* punya- macam kita beli rumah lah. Kita beli rumah, kita masuk rumah kita. Dalam tempoh kita sudah ambil alih rumah kita, kita masuk dalam rumah, kemudian dalam masa dua tahun atau 18 bulan ada *defect liability period*. So, kita *repair* lah kalau bocor sedikit kah, pelamin rosak kah, kita *repair* apa yang sepatutnya. Jadi kontrak ini sudah mematuhi NCR *perfectly*. Jadi mungkin terdapat sedikit kekeliruan di situ dengan laporan daripada Audit lah.

Datuk Liang Teck Meng: *How long is the defect liability period?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *About 24 months.*

Datuk Liang Teck Meng: *About 24 months from the date of issuance of CPC?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Correct.*

Datuk Liang Teck Meng: *That means almost thousand over cases of all the defect happened after the issuance of the CPC?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Correct.*

Datuk Liang Teck Meng: *After the issuance of CPC. That's mean, before you issue the CPC, everything was fine?*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *There is no NCR at all. Makna all NCR are closed.*

Datuk Liang Teck Meng: *But is...*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Sorry Tuan Pengerusi, because when you said 1,000 because it can't be a lump by itself because it started from the first day of the so called defect liability period, kita log in, kita registered whatever the defective which means...*

Tuan Pengerusi: *Do your inspection lah...*

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Yes, during the whole period of 1,000. That means sometime benda itu recurring. That's why I kata tadi they are either patent defect or this latent defects. Sometime the latent defect establishing after the thing being utilized.*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi ya...

Datuk Liang Teck Meng: Ada lagi satu saya hendak *clarify* sedikit mengenai *payment* ya. Saya percaya ada *retention sum* dengan kementerian ya. Jadi berapa *percent* daripada *retention sum* akan dibayar kepada kontraktor selepas *the issuance of the CPC*? Adakah kemungkinan sebab kontraktor hendak *claim certain amount of the retention, so they want to hand over as soon as possible to the carrier issuance of CPC*?

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: *Issuance of the CPC is 2.5% from the 5% of dia punya retention part.*

Dato' Aminuddin bin Hassan: *Yes. To contractual lah.*

Tuan Pengerusi, kalau kita kembali kepada *cooling tower* tadi. Okey, *this is design and build contract* dan dibina berdasarkan *fit for purpose*. Jadi dalam kita punya *need statement*, *dispecify* untuk- yang *exactly* saya tak ada, lebih kurang 10,000 *student*, berapa *spaceny* semua. So, kita *design based on this. Need statement ini is not just a piece of paper. Need statement ini kita go through bengkel-by-bengkel* dengan EPU, dengan UPSI, dengan JKR, dengan kita, dengan kontraktor. *So, it is a very thorough punya proses, very thorough, ada bengkel. Bukan simply on the table just do desk study, no. It is a proper bengkel and conducted by all stakeholders.*

Jadi bila kita buat *cooling tower* ini, kita memikirkan apakah kaedah yang paling menjimatkan untuk kerajaan. Jadi kita buat *four cooling towers* supaya- maknanya kalau ada *at certain period* katakan hanya 20% daripada *building* itu yang hendak gunakan *aircond*, kita boleh pakai 20%. So, kalau kita hendak 100%, so kita boleh pakai *all the four cooling towers. That's the beauty of this design in that sense.*

Saya hendak balik kepada ulasan daripada Audit berkenaan dengan *cooling tower design*. Sebenarnya apa yang berlaku adalah *side adjustment by our consultant. It is purely side adjustment*. Apabila kita buat *four cooling towers* ini, bila *our bigger cooling tower* datang, dia punya *dimension* apa semua ini, *configurationnya* lari daripada asal. Jadi kita perlu buat *side adjustment* untuk mengukuhkan *basenya*. Jadi kita *raise the floor*, bikin *beamnya*. Jadi benda ini kita tidak *expect* daripada peringkat awal. Kita pun tidak *anticipated* yang akan berlaku *flow of water* ke *cooling tower* yang rendah, dan berlaku limpahan air.

One point dekat sini saya hendak jelaskan sangat adalah- pada ketika tersebut pun, *aircond system* ini berfungsi sepenuhnya. Maknanya bilik-bilik semuanya sejuk. Bukan kata oleh sebab limpahan air ini bilik tidak sejuk. Tidak timbul isu itu langsung. Yang berlaku limpahan air pula bukanlah banyak sebenarnya. Mungkin pada peringkat itu mungkin tidak jelas tapi sebenarnya tidak banyak. Jadi apabila kami terpaksa *raised our cooling tower* daripada originalnya- ini *the smaller cooling tower, this is the bigger one... [Membuat perbandingan menggunakan tangan]*

Jadi bila kita tutup kita punya *aircond* pada masa tersebut, air yang digunakan untuk *cooling system* itu melimpah ke *the lower one*, kemudian ia keluar. Berlaku sedikit pembaziran di situ.

Jadi bila kita dapati perkara ini, kita *straightaway introduce motorized valve at our cost*, bukan ada VO pun. Tidak ada *Variation Order*. *We spent RM120,000* untuk kita *introduced the valve* dengan kehadiran *auditor* kita, semua- *everything*, perkara ini telah pun diselesaikan dengan sempurna. Jadi tidak ada isu langsung *the issue of design cooling tower* ini. *There is no issue at all in our view*.

Tuan Pengerusi: Audit, you punya ulasan kata, *there is water wastage of RM300 a day*.

Puan Ong Swee Leng: Tuan Pengerusi, *we actually got a letter dated 4th April 2012 address to Yang Berbahagia Tuan Ir. Manam Kathy George, who says that pembaziran berlaku adalah sebanyak RM300 setiap hari. So, this is the letter. That's how we quote it.*

Tuan Pengerusi: *I know but the basis of the letter- it means, your basis of the figure of RM300 a day just based on that letter lah?*

Puan Ong Swee Leng: Yes.

■1300

Tuan Pengerusi: Ada *justification*kah tidak *behind that statement* itu?

Seorang Ahli: *He is a professional...*

Tuan Pengerusi: *I knowlah, I know, because sekarang ada percanggahan di antara apa yang kontraktor dakwa dengan apa yang audit- expert yang surat Audit pakai ini.*

Puan Ong Swee Leng: *This is actually raised after we have passed regarding the why the cooling tower is not okay, so they came out with this...*

Tuan Pengerusi: *Was this matter raise during the exit interview?*

Puan Ong Swee Leng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *No, no. But during the audit interview with the- was it raise?*

Puan Ong Swee Leng: *It was raised...*

Tuan Pengerusi: *Was it explained properly? No, because- bukan apa.*

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: *It was discussed in exit conference.* Bagi pihak kami sebagai kementerian, apa sahaja *defect* yang ada kami hendak baiki dan cepat selesaikan. Saya fikir ketika itu *you* tidak buka semua, kan?... *To reduce water leakage* itu.

Seorang Ahli: Akan tetapi sudah *settled*.

Encik Che Rahim bin Che Mustapha: Ya, *within the process. Whatever the billing, still we paid bond by the contractors. Because they've paid off whatever the billing until July, if I'm not mistaken, because whatever operational of that so called cooling tower was been born by the contractor. So they will pick the bill as accordingly.*

Tuan Pengerusi: *Okaylah. So, that's why* tadi bila masuk dalam laporan ini, bila masuk dalam Laporan Ketua Audit Negara, rakyat tengok, mereka kata, "*Oh! pembaziran RM300*". Akan tetapi sebenarnya bukan duit rakyat yang habis.

Sebenarnya pembetulan dibuat oleh kontraktor dan perkara ini tidak berlaku, kan? Tidak berlaku lagilah. Jadi, saya pun kadang-kadang itu yang bila isu UPSI ini Dato', saya minta maaf. Untuk saya, isunya *is* pembetulan yang dibuat masa *defect period*. *There is no actual lost*. Ataupun *if there actual lost pun, it is being minimizekan? Through* pembetulan, penambahbaikan. *The issue is about period*lah. Projek itu tidak siap dalam tempoh masa yang ditetapkan. Akan tetapi produknya sekarang ini kira sempurna. *That's what I was trying to focus our* perbincangan ini hari.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, berapa bilangan pelajar boleh ditampung di kampus itu?

Dato' Prof. Dr. Zakaria Kasa: Seramai 10,000.

Dr. Tan Seng Giaw: Jumlah 10,000, dan adakah Dato' Seri puas hati dengan keselamatan kampus ini untuk pelajar?

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang: Saya puas hati. Saya pergi melawat sendiri dan saya pergi tempat-tempat yang sensitif yang di mana ada kompelin itu, dan saya dapati semua perkara yang kita komen dalam *defect report* yang kita bagi itu telah dibaiki. Yang Berhormat, saya *spend* dua hari Yang Berhormat pergi sana.

Tuan Pengerusi: Saya tahu, surat yang dalam tangan saya ini pun adalah surat daripada UPSI kepada Ibu Pejabat JKR, kan? Yang kata RM300 punya *per day* ini.

